



## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Dewan Bahasa dan Pustaka dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk memohon jawatan seperti yang berikut:

1. Taraf Perkhidmatan : **TETAP**
2. Klasifikasi Perkhidmatan : **KEJURUTERAAN**
3. Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**
4. Jawatan : **PENJAGA JENTERA ELEKTRIK**
5. Gred : **J19**
6. Penempatan : **DBP CAWANGAN SARAWAK**
7. Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan : **Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penjaga Jentera Elektrik J19 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.**
8. Syarat Lantikan : (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori A0 (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(b) Gaji permulaan ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan:
  - A0/A1 : RM1,435.12
  - A4-2/A4-1/A4 : RM1,493.24
  - B0-2/BO-1/B0/B1/B4 : RM1,551.36
9. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

10. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Operator Loji, Pembantu Awam atau Pemandu/Operator Jentera Pemungkah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penjaga Jentera Elektrik J19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perkara 8; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
11. Cara Memohon : i. Pemohon yang memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah mendaftar dan memohon secara dalam talian melalui pautan rasmi **epengambilan.dbp.gov.my**
- ii. Pemohon boleh merujuk manual pengguna yang disediakan bagi tujuan proses pendaftaran akaun dan permohonan jawatan.
- iii. Sebarang pertanyaan, pemohon boleh menghubungi no. telefon atau e-mel yang berikut:
- No. Telefon: 03-21479346/9331 (9.00 pagi hingga 4.30 petang)
- E-mel: [pengambilan@dbp.gov.my](mailto:pengambilan@dbp.gov.my)
12. Keterangan Am : Pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga. Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

**SEGALA KEPUTUSAN DALAM URUSAN INI MUKTAMAD**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA 14 OGOS 2022**